# Fasa 1 program imunisasi hampir selesai

Ahmad Suhael Adnan - April 2, 2021 @ 6:33pm
ahmad.suhael@bh.com.my



SERDANG: Kemajuan Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan mencecah 99.7 peratus apabila seramai 498,468 individu yang majoritinya petugas barisan hadapan, sudah menerima dos pertama vaksin COVID-19 setakat semalam.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata ketika ini, Fasa 1 program itu hanya berbaki 1,532 suntikan untuk mencapai sasaran memvaksin sekurang-kurangnya 500,000 petugas barisan hadapan menjelang akhir bulan ini.

Selain itu, katanya, pemberian dos kedua pula sudah mencecah 241,758 atau meliputi 48.3 peratus daripada sasaran memastikan semua 500,000 petugas barisan hadapan menerima dos lengkap.

"Kementerian Kesihatan (KKM) yakin Fasa 1 program yang akan berakhir pada hujung April, dapat dilaksanakan dalam tempoh ditetapkan atau lebih awal.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Bekalan vaksin Sinovac tiba jam 9

TERKINI PILIHAN PEMBACA

17m 839 individu dapat kerja sesuai kelulusan
27m Dua warga Australia dibebaskan dari tahanan Myanmar
29m Quartararo kuasai MotoGP Doha
57m Solskjaer akui Man Utd 'lambat panas'
57m Kiswah Kaabah diselenggara menjelang Ramadan
1h Atletico tewas lagi
1h FINAS sedia bantu aktifkan PiNCER
1h AS tutup Kem 7 Penjara Guantanamo

VAKSIN



NASIONAL Apr 4, 2021 @ 8:07pm
KKM jalin kerjasama pelbagai pihak bantu penduduk luar bandar daftar program imunisasi

pagi esok

- Suntikan vaksin ambil masa 15 hingga 30 minit - Dr Adham
- Hampir 400,000 sudah terima vaksin COVID-19
- 215,395 individu sudah lengkap dua dos suntikan vaksin COVID-19

"Untuk pendaftaran penerima vaksin melalui aplikasi MySejahtera pula, seramai 7,625,478 sudah membuat pendaftaran, yang meliputi 31.4 peratus daripada lebih 24 juta penduduk Malaysia berusia 18 tahun ke atas," katanya ketika ditemui media selepas Majlis Pelancaran Buku COVID-19 di Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM) di sini, hari ini.

Program imunisasi itu bermula pada 24 Februari lalu apabila Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi individu pertama di Malaysia menerima vaksin COVID-19 keluaran Pfizer-BioNTech, disusuli Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin yang menjadi individu pertama di negara ini menerima vaksin Sinovac pada 18 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Dr Adham berkata, KKM melakukan pemantauan kes positif dalam kalangan petugas barisan hadapan untuk mengukur keberkesanan Fasa 1 program berkenaan dan impak pemberian vaksin kepada mereka.

Jelasnya, keberkesanan optimum pemberian vaksin itu akan akan diperoleh selepas 14 hari daripada tarikh akhir semua 500,000 petugas barisan hadapan menerima dos lengkap vaksin.

"Kita ada masa untuk mengenal pasti keberkesanan program itu. Namun, setakat 1 April lalu, bilangan kes positif dalam kalangan petugas barisan hadapan KKM menunjukkan trend penurunan," katanya.

Mengulas mengenai kompaun pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan sejak 11 Mac lalu, Dr Adham memaklumkan seramai 2,525 kompaun sudah dikeluarkan setakat ini.

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak 156 kompaun dikeluarkan oleh penguat kuasa KKM, manakala 2,363 lagi diberikan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Setakat ini, seramai 205 kompaun sudah dijelaskan kompaun yang meliputi 8.12 peratus daripada keseluruhan kompaun yang dikeluarkan, dan kita masih menunggu yang selebihnya.

"Kita sediakan tempat pembayaran kompaun di setiap negeri, antaranya ia boleh dibayar di mana-mana Pejabat Kesihatan Daerah, atau kepada Pengarah atau Timbalan Pengarah Kesihatan negeri.

"Yang penting, mereka yang membayar pada hari pertama hingga hari


NASIONAL Apr 4, 2021 @ 4:16pm
Kerajaan timbang tambah vaksin lawan varian baharu


NASIONAL Apr 4, 2021 @ 2:59pm
Vaksin AstraZeneca: Kerajaan ada pelan sokongan


NASIONAL Apr 4, 2021 @ 1:47pm
'PRU-15 selepas selesai imuniti berkelompok'

ASEAN Apr 4, 2021 @ 11:43am
Brunei mula laksana program vaksinasi COVID-19




NASIONAL Apr 4, 2021 @ 11:24am
279,023 individu lengkapi dos vaksin COVID-19 - Dr Adham

TRENDING


LITAR 30 minit yang lepas
Quartararo kuasai MotoGP Doha


SELEBRITI Apr 4, 2021 @ 8:23pm
Uqasha dirisik


KES Apr 4, 2021 @ 7:24pm
Maut selepas 35 minit lari dari polis


NASIONAL Apr 4, 2021 @ 12:25pm
Polis akan panggil Neelofa, suami


NASIONAL Apr 4, 2021 @ 7:10am
14 cedera bas terbalik

MYRESIPI


INFOMASI Apr 2, 2021 @ 1:01pm
Resepi Cendawan Busut Tumis Air, Hanya Guna 6 Bahan Je


INFOMASI Apr 2, 2021 @ 1:00pm
Menu Semudah ABC Yang Menjadi Kegilaan Ramai, Ini Resepi Kulit Lembu Goreng Kicap!


INFOMASI Apr 1, 2021 @ 1:45pm
Banyak Lebihan Susu Di Rumah? Jom Cuba Resepi Susu Putih Bakar, Rangup

ketujuh diberikan kompaun akan diberi potongan 50 peratus, dan 25 peratus jika pada hari kelapan hingga ke-14," katanya.

Dr Adham berkata, penerima kompaun dalam kalangan pelajar, orang kurang upaya (OKU), golongan B40 atau tidak mampu membayarnya, boleh membuat rayuan di Pejabat Kesihatan Daerah dan ia akan dipertimbangkan.

& Sedap!



INFOMASI Apr 1, 2021 @ 1:44pm

Masak Lemak Telur Sotong Bersama Belimbing, Makan Sekali Mesti Nak Tambah!



INFOMASI Mac 31, 2021 @ 1:53pm

Gabungan 'Croissant' & Donut, Ini Resepi Cronut Pie Yang Lazat

## BERITA BERKAITAN



NASIONAL Apr 4, 2021 @ 11:24am

279,023 individu lengkapi dos vaksin COVID-19 - Dr Adham



NASIONAL Apr 3, 2021 @ 12:21pm

264,584 individu sudah lengkap 2 dos suntikan vaksin



NASIONAL Mac 13, 2021 @ 3:36pm

Sasaran vaksin 500,000 barisan hadapan capai 55 peratus



NASIONAL Feb 16, 2021 @ 1:29pm

Tiga strategi pemberian vaksin

**Disyorkan untuk anda** Recommended by

00:30

**Motion For Life**
Michelin Malaysia



**Funny Beach Pictures That Will Make You Laugh...**
Parentsdome Galleries



**Actor Sylvester Stallone Selling La Quinta,...**
Mansion Global



**For the first time, Malaysians can study a Master o...**
MBA | Search Ads

**15 People From Famous Memes Look Then Vs....**
Parentsdome Galleries

**Putrajaya Residents Are Loving Affordabl...**
Stair Lift | Sponsored Li...

**Malaysia: New WiFi Booster Stops Expensive...**
Next Tech



**Quelle est la taille de votre prostate ? Faites le test !**
Nouvelle Page Santé

IKUTI KAMI DI:

BERITA
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

SUKAN
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA
Foto
BHTV
Infografik

LANGGAN
Akhbar Digital
Akhbar BH

PERKHIDMATAN
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi